

## **TAHAP KESEDARAN TERHADAP STATUS HALAL PREMIS MAKANAN DI MALAYSIA**

**DR FATIMAH YUSRO HASHIM**

[wardatun@ukm.edu.my](mailto:wardatun@ukm.edu.my)

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

0194341071

**QUSSIYNUR YAKIN A.Y, NUR SYUHADA M. N,**

**NAYLI QISTEENA S, WONG S.Y,**

**UMMI RAHIMI F & NG C.C**

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Kelestarian umat Islam akan tercapai apabila dorongan untuk menjalani hidup yang berteraskan syarak dipatuhi. Sebagai contoh, pengambilan makanan dan minuman yang halal dan toyyiban adalah fardhu terhadap semua umat Islam, tanpa sebarang pengecualian melainkan rukhsah ketika darurat. Di Malaysia misalnya, tiada sebarang masalah untuk mendapatkan sumber makanan yang halal. Hal ini bagaimanapun telah menyebabkan sebahagian masyarakat menjadi alpa dalam memastikan status halal makanan dan minuman yang diambil. Ini dapat dilihat apabila terdapat masih ramai lagi orang Islam yang makan dan minum di premis-premis yang tidak mempamerkan logo halal. Restoran-restoran yang tiada atau belum mendapat pengiktirafan halal dari Jakim tetap dikunjungi oleh orang Islam. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat Islam di Malaysia terhadap isu ini, serta akan turut menganalisis pandangan mereka berkaitan status halal premis-premis makanan. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah melalui soal selidik kepada orang awam untuk mengukur tahap kefahaman masyarakat terhadap status halal Jakim, serta pengiktirafan halal yang diberikan kepada premis yang menjual makanan dan minuman. Kaedah penulisan perpustakaan juga digunakan untuk melihat pandangan dan fatwa berkaitan mekanisme pengiktirafan status halal di Malaysia. Temubual berfokus dengan pakar dan mufti juga penting dalam penulisan ini bagi menyokong dapatan kajian. Hasil penulisan mendapati kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap status halal yang diiktiraf oleh Jakim, namun masih terdapat segelintir yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi terhadap perkara tersebut. Penulisan ini turut mendapati bahawa Malaysia berjaya mengaplikasikan mekanisme pengiktirafan halal makanan dan minuman yang dijujal dengan cara yang menepati prinsip Islam.

**Kata kunci:** Premis makanan halal, syubhah, mekanisma.

### **1. Pengenalan**

Pengetahuan kebanyakan golongan orang bukan Islam mengenai pemakanan halal menurut Islam hanya terhad kepada tiada bahan-bahan yang berunsurkan khinzir sahaja. Justeru seringkali kita dapati terdapatnya restoran-restoran yang memaparkan papan tanda 'No Pork, No Lard and No Alcohol' (tiada khinzir, tiada minyak khinzir dan tiada alkohol) di premis mereka untuk menunjukkan bahawa makanan yang dihidangkan boleh diambil oleh orang Islam. Mereka tidak sedar bahawa terdapat perkara-perkara lain yang juga perlu diberi perhatian dan dititikberatkan dalam adab dan hukum pemakanan Islam. Oleh itu kajian mengenai tahap kesedaran orang awam tentang status halal restoran di Malaysia dilihat sudah menjadi satu keterdesakan.

Perbincangan ini penting untuk memberi pendedahan dan pencerahan lebih lanjut kepada semua pihak dengan menggunakan autoriti-autoriti yang sahih dari Al-Quran dan Hadis serta pandangan fuqaha' dan fatwa-fatwa semasa. Hal ini demikian kerana isu ini telah dianggap ringan oleh sebahagian umat Islam dan juga bukan Islam. Makanan dan minuman adalah satu perkara asasi yang diperlukan oleh setiap makhluk yang hidup dan merupakan keperluan yang tidak dapat diabaikan kerana kesihatan jasmani dan rohani manusia amat berkait rapat dengan pengambilan makanan yang halal dan toyyiban. Islam mengajar manusia tentang pentingnya pengambilan makanan dan minuman yang halal serta bermanfaat dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang serta memperoleh keredhaan Allah. Terdapat banyak ayat al-Quran dan al-Sunnah yang membicarakan tentang hal ini seperti peraturan atau adab-adab dalam memilih makanan dan minuman, cara penyembelihan dan penyediaan, kebersihan dan keadaan bahan makanan yang elok dan berkhasiat dan sebab-sebab mengapa sesuatu bahan itu dianggap tidak halal dan tidak elok untuk dimakan.

## 2. Pengetahuan Umum tentang Halalan Toyyiban

Kajian ini dilihat amat perlu dilakukan pada masa kini memandangkan tahap kesedaran masyarakat umum dan umat Islam khususnya terhadap status halal premis makanan di pusat beli-belah masih berada di peringkat sederhana. Inilah perkara yang menjadi objektif penyelidikan ini iaitu untuk melihat sejauh manakah rakyat Malaysia faham dan cakna apa itu yang dikatakan Halal. Ini adalah kerana hasil pemerhatian yang dibuat oleh para pengkaji mendapati terdapat masih ramai lagi rakyat Malaysia sama ada yang beragama Islam atau tidak kurang memahami dengan tepat apa itu yang dimaksudkan sebagai makanan yang halal dan toyyiban. Secara jelas Allah berfirman dalam surah Yasin menyatakan tentang bagaimana Allah telah menciptakan dunia ini dengan segala nikmat makanan dan minuman yang tumbuh dari tanah serta haiwan yang dihidupkan bagi memberi manfaat kepada manusia sekalian. Di dalam surah Yasin ayat 33 hingga 35 Allah swt menyebut:<sup>1</sup>

﴿وَأَيُّ لَّهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ۝۳۳ وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ۝۳۴ لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ۝۳۵﴾

Bermaksud: «Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan» «Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa mata air» «Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?» Seterusnya dalam surah yang sama ayat 71 hingga 73 Allah bertanya kepada hambaNya:<sup>2</sup>


﴿أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَا أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا مَالِكُونَ ۝۷۱ وَذَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ۝۷۲ وَلَهُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَمَشَارِبٌ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ۝۷۳﴾

Bermaksud: «Tidakkah mereka melihat dan memikirkan, bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang-binatang ternak, di antara jenis-jenis makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami lalu mereka memilikinya?» «Dan Kami jinakkan dia untuk kegunaan mereka; maka sebahagian di antaranya menjadi kenderaan mereka, dan sebahagian lagi mereka makan» «Dan mereka beroleh berbagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu dan juga beroleh minuman; maka mengapa mereka tidak mahu bersyukur?»

<sup>1</sup> Al-Quran Al-Karim, Ya-Sin 36:33-35

<sup>2</sup> Al-Quran Al-Karim, Ya-Sin 36: 71-73

Makanan yang baik bermaksud bahan berasaskan tumbuhan dan haiwan yang digunakan oleh makhluk hidup untuk membekalkan tenaga dan nutrisi.<sup>3</sup> Dalam bahasa Arab, makanan di sebut sebagai at'imah (أطعمة) iaitu kata jamak kepada ta'am (طعم) yang memberi pengertian segala yang boleh dimakan bagi mendapatkan kekuatan badan. Konsep makanan dan minuman di dalam Islam menggariskan halal dan haram pada setiap sumber makanan dan minuman yang diambil. Konsep halal dan haram ini bertujuan menjaga lima perkara asas bagi umat Islam yang ditetapkan dalam maqasid syariah iaitu memelihara agama, akal, nyawa, harta, keturunan dan pada masa yang sama mengekalkan intergrasi dan maruah. Islam membahagikan makanan kepada tiga kategori seperti yang digambarkan dalam rajah berikut:



Rajah 1: Kategori makanan dalam Islam

Sumber makanan yang halal boleh didapati daripada semua jenis tumbuhan yang selamat di makan, serta daripada haiwan darat, laut dan udara yang telah diperjelaskan dalam Al-Quran sebagai halal. Namun begitu haiwan-haiwan yang halal ini boleh menjadi haram apabila ia telah menjadi bangkai atau mati bukan kerana disembelih dengan nama Allah. Di dalam surah al-An'am Allah swt telah menyebut dengan jelas berkaitan penyembelihan yang menjadikan haiwan tersebut halal dimakan.<sup>4</sup>

﴿وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ﴾<sup>١٣</sup>

Bermaksud: «Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelohnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa); dan sesungguhnya Syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik»

Sumber-sumber makanan halal juga boleh menjadi haram atau syubha iaitu diragui status halal. Ini boleh berlaku oleh banyak sebab seperti diragui status penyembelihannya, diragui cara pemrosesannya dan penyimpanannya, juga melibatkan cara penyediaan serta bahan-bahan yang dicampurkan bersama. Sekiranya status makanan tersebut adalah syubha, maka adalah lebih baik untuk orang Islam meninggalkannya daripada terjatuh ke dalam hukum haram jika mengambilnya. Umat Islam perlu mempunyai sikap ihtiyati (احتياطي) atau berjaga-jaga kerana khawatir terlibat dalam perkara yang haram. Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 172 berbunyi:<sup>5</sup>

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ﴾<sup>١٧٢</sup>

<sup>3</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>4</sup> Al-Quran Al-Karim, Al-An'am 6:121

<sup>5</sup> Al-Quran Al-Karim, Al-Baqarah 2:172

Membawa maksud: «Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya»

Menurut Ibnu Kathir dan As-Sabuni, konsep 'Halalan Toyyiban' itu secara umumnya menyatakan bahawa 'halal' merujuk kepada apa yang diharamkan oleh Allah swt dan 'toyyiban' ialah sesuatu yang diambil mengikut keadaan kesihatan seseorang. Antara ciri-ciri makanan yang halalan toyyiban adalah memilih makanan yang bersih dari segi rupa, bau dan zatnya termasuklah penyediaannya. Misalnya makanan berbentuk daging mestilah melalui penyembelihan yang sah dan tepat serta pemilihan bahan perlulah berkhasiat, segar dan baru. Aplikasi konsep halalan toyyiban tidak berhenti di sudut frasa dan definisi, malahan ia perlu diaplikasikan juga dalam pasaran makanan seperti premis-premis jualan dan kemudahan penyediaan makanan. Allah swt memberikan peringatan tentang apakah yang dimaksudkan dengan makanan yang diharamkan kepada kaum muslimin dalam surah Al-Maidah ayat 4 dan 5 yang berbunyi:<sup>6</sup>

﴿يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلَّبِينَ يُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ؛ الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ ...﴾

Bermaksud: «Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang diharamkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Diharamkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya"(4)»«Pada masa ini diharamkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka)... (5)»

Sebagai contoh, selain kesucian premis dan tempat penyediaan makanan, penyelenggaraan dan sanitasi di kawasan persekitaran bangunan dan premis makanan hendaklah selalu dijalankan bagi mengesan sebarang kewujudan serangga perosak ataupun kekotoran lain berbetuk kulat dan bakteria yang boleh menyebabkan keracunan kepada makanan yang disediakan. Selain itu, program-program pembersihan perlu kerap dilakukan untuk memastikan setiap bahagian bangunan dibersihkan dengan betul termasuklah peralatan pembersihan, pengurusan bahan pepejal dan cecair, pengurusan sisa serta peralatan yang digunakan.

### 3. Nas-nas berkaitan konsep Halalan Toyyiban

Tidak dapat dinafikan Islam amat menitik beratkan hal-hal berkaitan pengambilan makanan yang halal dan baik. Terdapat begitu banyak sekali ayat-ayat al-Quran dan Hadith Nabawi yang membincangkan berkaitan hal halal dan haram dalam pemakanan. Ayat pertama dari surah al-Baqarah ayat 168 menyebut dengan jelas:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾

<sup>6</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah Al-Maidah 5:4-5

Bermaksud: «Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu»<sup>7</sup>

Selanjutnya dalam surah Al-Baqarah ayat 173, Allah swt menyenaraikan jenis-jenis binatang yang diharamkan kepada seluruh umat Islam dan menyatakan hukuman serta pengecualian terhadap pengambilan makanan itu dalam keadaan darurat.

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ  
رَّحِيمٌ﴾<sup>7</sup>

Dengan jelasnya membawa maksud: «Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani»<sup>8</sup>

Seterusnya Allah swt melanjutkan lagi jenis-jenis makanan yang boleh dimakan yang terdiri dari buruan laut dalam surah al-Maidah ayat 96:<sup>9</sup>

﴿أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحَرَّمَ عَلَيْكُمُ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ  
تُحْشَرُونَ﴾<sup>9</sup>

Bermaksud; «Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan»

Di dalam surah al-Nahl pula, Allah swt telah menerangkan bagaimana hasil dari haiwan yang halal di makan itu adalah merupakan makanan yang halal juga seperti susu dan madu yang keluar dari perut lembu dan lebah. Begitu juga tumbuh-tumbuhan yang halal dimakan boleh menjadi haram akibat dijadikan khamar (arak dari buah anggur).<sup>10</sup>

Selain dari nas dari al-Quran, terdapat juga hadis-hadis yang membincangkan tentang makanan dan minuman yang halal dan haram. Sebagai contoh hadis yang menyebut tentang binatang yang diharamkan seperti berikut:

عَنْ الْمُقَدَّمِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَا لَا يَجِلُّ ذُو نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَلَا الْجِمَارُ الْأَهْلِيُّ وَلَا  
الْقَطَةُ مِنْ مَالِ مُعَاهِدٍ إِلَّا أَنْ يَسْتَعْنِيَ عَنْهَا وَأَيُّمَا رَجُلٍ ضَافَتْ قَوْمًا فَلَمْ يَفْرُوهُ فَإِنَّ لَهُ أَنْ يُعَقِّبَهُمْ بِمِثْلِ قِرَاءِ

Bermaksud: Dari al-Miqdam bin Ma'di karib dari Rasulullah Saw, beliau bersabda: “Ketahuilah, tidak halal haiwan buas yang memiliki taring, keldai yang jinak, barang temuan dari harta orang kafir Mu’ahad (yang menjalin perjanjian dengan negara Islam) kecuali ia tidak mengkehendaknya. Dan siapapun laki-laki yang bertamu kepada suatu kaum dan mereka tidak menjamunya, maka baginya untuk menuntut ganti yang seperti jamuan untuknya.”<sup>11</sup>

Selain itu larangan memakan binatang buas yang bertaring seperti anjing, kucing, harimau dan sebagainya disebut juga dalam hadis riwayat Abu Tsa’labah ra., ia berkata: Nabi

<sup>7</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah Al-Baqarah 2:168

<sup>8</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah Al-Baqarah 2:173

<sup>9</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah Al-Maidah 5:96

<sup>10</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah An-Nahl 16:66-69

<sup>11</sup> Hadith Riwayat Abu Dawud di petik dari <https://www.bacaanmadani.com/2018/03/hadits-tentang-makanan-yang-halal-dan.html>

saw. melarang memakan binatang buas yang bertaring.<sup>12</sup> Begitu juga terdapat hadis yang mengharamkan umatnya memakan keldai yang menjadi peliharaan.<sup>13</sup>

#### 4. Pengetahuan Masyarakat Umum Terhadap Status Halal Premis Makanan di Malaysia

Umumnya masyarakat di Malaysia mengetahui dengan jelas berkaitan makanan yang halal dan haram apabila melibatkan khinzir dan arak. Namun begitu, konsep halal dan haram dalam Islam bukanlah sekadar tidak memakan khinzir dan tidak meminum arak semata-mata, malah lebih dari itu. Namun perkara inilah yang jarang diperhalusi dan diteliti oleh sebahagian orang Islam apatah lagi golongan bukan Islam. Justeru, pasti akan mengejutkan sebilangan orang, Islam atau tidak di Malaysia apabila keluar kenyataan yang mengatakan ayam goreng CK haram dimakan, laksa AC haram dimakan, Air Soya MS haram diminum dan lain-lain lagi. Maka akan timbul persoalan mengapa ayam jadi haram? Laksa dari ikan kenapa haram? Takkan minuman Soya haram?

Sebuah kajian melalui soal selidik menggunakan *Google Form* telah dilakukan kepada masyarakat secara umumnya mendapati majoriti rakyat Malaysia beragama Islam memahami tentang konsep halal dan haram pada makanan dan minuman. Ini jelas dapat dilihat dari jawapan yang diberikan oleh responden dalam soal selidik yang diberikan. Berdasarkan statistik melalui google form yang dilakukan, kumpulan penyelidik telah berjaya mendapat reponden seramai 78 orang untuk menjawab soal selidik yang disediakan bagi memenuhi objektif kajian. Dari 78 responden tersebut, sebanyak 78% responden perempuan, manakala 22% lelaki. Kategori umur responden pula terbahagi kepada dua: iaitu kategori umur 18 hingga 22 tahun seramai 67 orang manakala baki adalah dari perbagai kategori umur. Majoriti yang menjawab soal selidik ialah bangsa melayu seramai 76 orang, bangsa India dan kategori lain-lain dua orang.

Soalan pertama adalah tentang **kefahaman masyarakat tentang konsep halal dan premis halal**. Berdasarkan yang berikut, hasil dari jawapan responden menunjukkan seramai 75 orang responden (96%) mempunyai kefahaman yang jelas dan hanya 2 orang (3%) yang tidak pasti, manakala seorang mengatakan tidak faham tentang makanan yang halal. Kesimpulannya, majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang baik tentang apa itu makanan halal kecuali tiga orang yang tidak faham dan tidak pasti terdiri daripada bangsa melayu.

Para penyelidik juga berjaya mendapat respon yang agak baik bagi **persoalan berkaitan Logo halal**. Ini adalah kerana majoriti responden seramai 71 orang (91%) tahu dan kenal logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Namun begitu, terdapat 6 orang (8%) yang mengatakan tidak pasti manakala seorang responden mengatakan tidak tahu. Kesimpulannya, majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik kecuali bagi 6 orang yang tidak pasti yang terdiri daripada empat orang berbangsa melayu, manakala seorang responden yang tidak tahu mengenai logo halal ini juga berbangsa melayu.

Persoalan seterusnya **Adakah anda turut memastikan bahawa premis makanan halal perlu mempunyai gred kebersihan yang baik?** Seramai 68 orang (87%) menyatakan bahawa mereka akan memastikan premis makanan itu halal dan mempunyai gred kebersihan yang baik. Sebaliknya, seramai 10 orang (13%) mengatakan bahawa mereka tidak pasti. Kesimpulannya, majoriti responden akan pastikan bahawa premis makanan yang mereka

---

<sup>12</sup> Sahih Muslim No.3570

<sup>13</sup> Sahih Muslim No.3583

masukinya itu adalah halal dan bersih. 10 orang responden yang mengatakan tidak pasti itu terdiri daripada seorang berbangsa india, seorang berbangsa lain-lain dan 8 orang berbangsa melayu.

Soalan seterusnya **Adakah anda memastikan bahawa Logo Halal Jakim dipamerkan di luar premis yang anda kunjungi?** Berdasarkan soalan ini, seramai 54 orang responden (69.2%) akan memastikan terdapatnya logo halal JAKIM yang diiktiraf telah dipaparkan di luar restoran sebelum makan di restoran itu, manakala seramai 16 orang (20.5%) menyatakan bahawa mereka tidak pasti manakala seramai 8 orang (10.3%) tidak akan berbuat sedemikian apabila membuat keputusan untuk makan di restoran dalam pusat beli belah. Kesimpulannya, 16 orang responden tersebut terdiri daripada seorang berbangsa india dan 15 orang berbangsa melayu.

Soalan seterusnya **Bagaimana status halal sesebuah restoren boleh diketahui?** Berdasarkan respon yang dikumpul, didapati bahawa seramai 37 orang (47%) tahu cara untuk menyemak status halal kedai makanan. Namun begitu, seramai 21 orang (27%) tidak pasti cara untuk menyemak status halal kedai makanan manakala 20 orang (26%) tidak tahu bahawa adanya cara untuk menyemak status halal sesebuah kedai makan. Kesimpulannya, dalam kalangan 21 orang responden yang mengatakan tidak pasti mengenai cara menyemak status halal itu terdiri daripada bangsa melayu manakala 20 orang responden yang mengatakan tidak tahu juga terdiri daripada bangsa melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mengenai perkara ini masih perlu ditingkatkan melalui pelbagai pendedahan seperti iklan dan kempen kesedaran.

Soalan seterusnya **Adakah Peraturan Berkaitan Makanan Halal di Malaysia Sudah Memadai?** Seramai 34 orang (43%) tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa peraturan berkaitan makanan halal di Malaysia sudah memadai dan tidak perlu dibuat penambahbaikan. Golongan ini merasakan bahawa perlu diperkuat kuasanya lagi hal-hal berkaitan logo halal dan perkara berkaitan. Akan tetapi, terdapat 31 orang (40%) yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala hanya 17% yang tidak pasti sama ada peraturan makanan halal di Malaysia sudah memadai atau tidak. Kesimpulannya, majoriti responden masih merasakan bahawa peraturan mengenai makanan halal ini masih belum memadai dan memerlukan lebih banyak penambahbaikan demi kemaslahatan semua.

Persoalan seterusnya **Adakah konsep halal itu merangkumi juga aspek dalam penyediaan makanan?** Berdasarkan soalan di atas, seramai 74 orang (95%) tahu bahawa konsep halal juga merangkumi aspek penyediaan makanan dan bahan-bahan yang digunakan untuk memasak. Seramai 3 orang responden mengatakan bahawa mereka tidak pasti dan seorang responden mengatakan bahawa dia tidak tahu mengenai perkara ini. Kesimpulannya, 3 orang tersebut adalah terdiri daripada bangsa melayu dan seorang itu juga terdiri daripada bangsa melayu. Hal ini menunjukkan masih terdapat orang melayu yang beragama Islam masih tidak cakna mengenai konsep halal yang sebenar-benarnya.

Soalan seterusnya **Adakah anda tahu bahawa Ayam dan Daging boleh menjadi tidak halal untuk orang Islam?** Seramai 76 orang (97%) tahu bahawa ayam dan daging boleh menjadi tidak halal sekiranya tidak disembelih mengikut cara Islam. Namun begitu, terdapat dua orang responden menyatakan bahawa mereka tidak tahu dan dua orang responden ini merupakan bangsa melayu. Kesimpulannya, meskipun majoriti responden sedar akan hal ini tetapi masih terdapat segelintir yang tidak mempunyai pengetahuan tentang perkara ini.

Soalan yang seterusnya berkisar tentang **sejauh mana seseorang itu sanggup atau kerap makan di restoren yang tiada logo Halal Jakim?** Berdasarkan respon, seramai 34 orang (44%) menyatakan bahawa mereka tidak makan di restoran yang tidak mempamerkan logo halal JAKIM meskipun terdapat ramai orang Islam yang bekerja dan makan di restoran tersebut. Seterusnya, seramai 23 orang (29.5%) mengakui bahawa mereka selalu makan di restoran yang tiada tanda halal JAKIM tetapi kedai tersebut dikunjungi oleh orang Islam dan

ada orang Melayu yang bekerja di situ. Terdapat 21 orang (27%) yang mengatakan bahawa mereka tidak pasti. Kesimpulannya, 23 orang responden yang mengakui selalu mengunjungi dan makan di restoran yang tidak mempunyai logo halal, kesemuanya terdiri daripada responden yang berbangsa Melayu. Selain itu, seramai 21 orang responden yang mengatakan tidak pasti itu pula terdiri daripada 18 melayu, seorang India dan seorang bangsa lain-lain. Responden-responden ini merasakan bahawa meskipun restoran tersebut tidak mempamerkan logo halal kedai tersebut menyajikan makanan yang halal kerana terdapat ramai orang Islam dan melayu yang berkunjung ke situ.

Seterusnya, penyelidik telah mempersoalkan tentang **tahap kebergantungan masyarakat terhadap Logo Halal JAKIM bagi memastikan status halal sesebuah premis makanan yang dikunjungi**. Berdasarkan respon, seramai 41 orang (53%) mengatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa mereka tidak bergantung kepada tanda halal JAKIM yang dipamerkan di restoran sebelum mereka makan di situ, bertujuan memberi keyakinan bahawa apa yang dihidangkan adalah halal. Manakala, seramai 27 orang (34%) yang mengatakan mereka tidak begitu bergantung kepada tanda halal JAKIM sebelum memasuki sesebuah kedai makanan kerana mereka yakin bahawa apa yang dihidangkan adalah halal meskipun tiada logo halal yang dipamerkan. Seramai 10 orang responden mengatakan bahawa mereka tidak pasti keperluan bergantung kepada logo halal. Kesimpulannya, 27 orang responden yang tidak bergantung kepada tanda halal ini terdiri daripada 26 orang berbangsa melayu dan seorang berbangsa lain-lain.

Soalan yang seterusnya adalah bagi mendapatkan pandangan responden mengenai **Keperluan tanda halal yang hanya sekadar prosedur Undang-undang sahaja dan bukan pada makanan yang dimakan**. Berdasarkan respon, seramai 49 orang (59%) tidak bersetuju bahawa keperluan tanda halal JAKIM hanyalah sekadar prosedur undang-undang atau birokrasi dan ia tiada kena mengena dengan konsep halal itu sendiri. Namun, terdapat 19 orang responden yang bersetuju bahawa tanda halal JAKIM hanyalah sekadar prosedur undang-undang dan 13 orang responden mengatakan bahawa mereka tidak pasti dengan keperluan tanda halal JAKIM. Kesimpulannya, 19 orang yang berpendapat bahawa tanda halal JAKIM ini hanyalah sekadar prosedur dan tiada kena mengena dengan konsep halal yang sebenarnya adalah terdiri daripada 18 orang melayu dan seorang, lain-lain manakala 13 orang yang tidak pasti, 12 daripadanya melayu, dan seorang India.

Seterusnya adalah soalan **Adakah anda pasti sesuatu makanan itu adalah halal sekiranya tidak mengandungi unsur khinzir dan arak?** Berdasarkan respon, seramai 51 orang (65%) tidak bersetuju bahawa sesuatu makanan itu adalah dianggap halal selagi makanan tersebut tidak mengandungi bahan-bahan terlarang seperti daging khinzir dan arak semata-mata. Namun begitu, seramai 17 orang (22%) yang bersetuju bahawa makanan adalah halal selagi tidak mengandungi khinzir dan arak manakala 10 orang responden tidak pasti tentang perkara ini. Kesimpulannya, majoriti responden sedar bahawa status halal itu tidak hanya terletak pada tanda 'NO PORK' 'NO LARD' atau 'NO ALCOHOL' sahaja, tetapi ia lebih daripada itu. Namun begitu, terdapat 17 orang responden yang merasakan bahawa asalkan ada tanda 'NO PORK' 'NO LARD' dan 'NO ALCOHOL', maka ianya selamat untuk dimakan meskipun tiada logo halal dipamerkan. 17 orang ini terdiri daripada 16 orang melayu dan seorang, lain-lain.

Soalan yang seterusnya adalah berkaitan pengetahuan responden mengenai **hubung kait kebersihan premis dan status halal dengan tahap kesihatan secara umum**. Kesemua responden seramai 78 orang bersamaan dengan 100% bersetuju bahawa mereka tahu kebersihan premis dan status halal makanan akan mempengaruhi kesihatan seseorang individu.

## **5. Temu Bual Pengusaha Atau Pekerja Premis Makanan**



Kajian lapangan bagi penyelidikan ini telah dijalankan di lokaliti terpilih iaitu IOI City Mall, Putrajaya. Pemilihan lokaliti ini adalah atas beberapa sebab iaitu kerana terdapat premis-premis makanan yang baharu dan tidak dikenali dibuka dengan banyak di sana. Ini menimbulkan banyak persoalan apabila pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa premis-premis makanan ini tidak mempamerkan logo Halal Jakim namun tetap dikunjungi oleh orang Islam. Hasil pemerhatian inilah maka penyelidikan ini dijalankan bagi mengetahui status Halal premis tersebut dan tahap kesedaran masyarakat Islam terhadap status halal secara umumnya.

Penyelidikan ini telah dijalankan sebelum berlakunya pandemic Covid-19, justeru laporan yang dibentangkan adalah merupakan status pada waktu penyelidikan dijalankan. Namun begitu, status halal premis-premis makanan yang disebutkan dalam hasil penyelidikan ini adalah yang mutakhir dan dilaksanakan sewaktu artikel ini ditulis, iaitu pada Mac 2021. Oleh itu, status yang dilaporkan di dalam penulisan ini adalah merupakan status terkini.



Premis pertama yang dikunjungi ialah **Ramen Village** yang baru sahaja membuka cawangannya di IOI City Mall pada ketika itu. Didapati bahawa premis ini tidak mempamerkan logo halal diluar premis mereka namun majoriti pekerjaanya berbangsa Melayu dan beragama Islam serta menjual makanan halal. Pengurus premis ini memberitahu bahawa mereka telahpun mempunyai sijil dan logo halal di cawangan di NU Sentral namun belum berjaya mendapatkannya disitu. Beliau mengatakan bahawa semua pekerja mempunyai pengetahuan mengenai aspek halal dan perkaitannya dengan kebersihan kerana mereka perlu mengikuti kelas dan latihan semasa bekerja. Makanan yang disediakan dikatakan halal kerana sumber makanan adalah dari pengilang yang halal. Pelanggan yang disasarkan adalah dari semua golongan bangsa dan agama dan majoritinya adalah dalam kalangan Melayu namun terdapat ramai pelanggan yang bertanyakan status halal premis mereka sebelum memesan makanan di situ. Kesimpulannya, status halal premis ini kurang jelas kerana terdapat status halal di cawangan lain namun gagal mendapatkannya di premis ini serta sumber bekalan makanan adalah dikatakan halal atau Halal certified ingredient.



**Tea Garden** merupakan premis kedua yang dikunjungi di mana mereka mengakui telah beroperasi selama 2 tahun namun tiada logo halal dipamerkan kerana belum mendapatkan kelulusan dari pihak JAKIM walaupun permohonan telah dilakukan. Pengurus yang kami temu bual ialah seorang perempuan berbangsa Melayu namun semua pekerja dan pengendali makanan premis tersebut adalah bukan warganegara dan bukan Islam. Pengurus tersebut mempunyai pengetahuan mengenai status halal makanan dan perkaitannya dengan kebersihan premis. Makanan yang disediakan tidak berasaskan sumber yang haram kerana terdapat papan tanda 'no pork, no lard, no alcohol' di luar premis mereka namun bukan semua sumber bekalan makanan disahkan halal. Mereka sering mendapat pertanyaan berkenaan status halal premis mereka daripada pelanggan Melayu dan yang beragama Islam. Status Halal JAKIM telah diperolehi pada masa kini.



Premis seterusnya adalah **Spac & Jus**. ini baru sahaja beroperasi selama dua bulan setengah dan masih menunggu pengesahan sijil dan logo halal dari JAKIM namun sumber bekalan makanan adalah dari pengilang yang halal. Pekerja yang ditemu bual memberitahu kami bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai status halal makanan kerana telah mengikuti latihan semasa tempoh mereka bekerja. Kesemua pekerja yang mengendalikan makanan dan pelayan adalah berbangsa Melayu. Sasaran pelanggan adalah dari semua golongan masyarakat namun majoritinya adalah dari bangsa Melayu. Pekerja premis ini juga memberitahu bahawa belum ada pelanggan Melayu yang bertanya akan status halal premis mereka kerana melihat pekerja dan majoriti pelanggan adalah Melayu. Kesimpulannya, status halal belum diketahui dan pada masa kini hanya halal pada bahan.



**Squid Boy** merupakan premis yang menjual sotong celup tepung namun tiada tanda halal yang dipamerkan tetapi hanya menunjukkan lesen perniagaan dan gred kebersihan premis sahaja apabila ditanyakan mengenai status halal mereka. Pekerja di premis ini semuanya bukan warganegara Malaysia dan tidak boleh berkomunikasi dengan baik apabila diajukan soalan. Sasaran pelanggan tidak dapat dikenalpasti namun kesemua pelanggan mereka adalah berbangsa Melayu berdasarkan pemerhatian kami. Premis mereka mempunyai papan tanda 'no pork, no lard' yang diletakkan di luar kedai. Pada masa kini telah mendapat status halal JAKIM.



Chizu merupakan premis yang menjual makanan pencuci mulut seperti kek dan manisan yang telah beroperasi selama 2 tahun namun tiada logo halal dipamerkan kerana masih dalam proses mendapatkan pensijilan halal dari JAKIM. Pekerja premis ini adalah dari bangsa Melayu dan Cina namun penyediaan makanan lebih banyak dikendalikan oleh pekerja Melayu. Mereka juga mempunyai pengetahuan mengenai status halal makanan kerana sumber bekalan makanan dan bahan-bahan yang digunakan adalah halal. Telah mendapat status Halal JAKIM.



Ah Cheng Laksa merupakan salah satu restoran pilihan kami kerana premis ini sangat terkenal dengan kelazatan makanannya yang pelbagai namun tiada logo halal dipamerkan di luar premis ini. Penyelia premis ini adalah lelaki berbangsa Cina dan pekerja yang lain adalah berbangsa Melayu. Beliau tidak terlalu menitikberatkan pengetahuan mengenai status halal kerana beranggapan ianya tidak perlu dalam arus pemodenan pada masa kini malahan mereka

tidak memohon pensijilan halal dari JAKIM kerana proses yang begitu rumit. Bekalan ayam tidak dipastikan status halalnya namun begitu, pengusaha cawangan hanya memaklumkan ayam didapati terus melalui pembekal. Pelanggan yang disasarkan adalah dari semua golongan tetapi kebanyakannya adalah dari bangsa Melayu berdasarkan pemerhatian kami semasa temubual dijalankan. Kesimpulannya, status halal premis ini adalah tidak jelas kerana kengangan mereka memohon sijil halal dan ketidak sahian halal sumber makanan yang digunakan pada ketika itu. Namun, pada ketika artikel ini ditulis, kelihatan logo Halal Jakim telah dipamerkan di premis tersebut.



Little Penang Café merupakan restoran yang menjual makanan yang halal dan sumber masakannya adalah sumber yang telah disahkan halal. Kami berpeluang untuk menemubual pengurus restoran itu sendiri dan beliau menyatakan bahawa semua pekerja mempunyai pengetahuan yang tinggi dan luas berkenaan status halal makanan. Beliau juga sedar bahawa kebersihan merupakan sebahagian daripada halal itu sendiri. Namun premis mereka tidak mempunyai logo halal yang dipamerkan dan mendakwa bahawa prosedur memohon sijil halal dari JAKIM adalah rumit. Pekerja di dapur adalah orang Islam dan kebanyakan pelayan merupakan pekerja asing dan bukan Islam. Status halal premis ini adalah kurang jelas disebabkan kengangan pengusaha premis untuk mendapatkan logo halal walaupun sumber makanan adalah halal. Pada masa kini telah mendapat status Halal JAKIM.



Premis makanan ini telah beroperasi selama setahun namun tiada logo halal yang dipamerkan kerana mereka enggan memohon sijil halal dari JAKIM disebabkan proses yang rumit. Kesemua pekerja di premis ini adalah berbangsa Cina dan pemahaman mereka terhadap makanan halal ialah makanan yang tidak berunsurkan khinzir dan alkohol. Sasaran pelanggan mereka adalah dari semua golongan masyarakat namun terdapat ramai pelanggan berbangsa Melayu dan Islam. Kesimpulannya, status halal premis ini kurang jelas kerana pengusaha tidak memohon sijil halal dari JAKIM walaupun makanan yang disediakan tidak berasaskan sumber yang tidak halal. Status halal masih tidak dapat dipastikan sehingga kini.



Premis ini merupakan kedai menjual roti dan pastry yang baru beroperasi selama 4 bulan dan masih menunggu pengesahan sijil halal dari JAKIM. Premis ini menjual makanan yang halal tetapi tiada sijil atau logo halal dipaparkan. Pekerja Hogan Bakery mempunyai pengetahuan dan kesedaran mengenai status halal makanan termasuklah kebersihan dan bahan-bahan masakan. Sasaran pelanggan adalah dari semua golongan masyarakat dan terdapat ramai pelanggan Melayu yang mengunjungi premis tersebut dan tiada pelanggan yang pernah bertanyakan mengenai status halal mereka. Kesimpulannya, status halal premis ini masih diragui dan tidak jelas kerana masih menunggu pengesahan halal dari pihak JAKIM. Status terkini adalah tidak mendapat pengiktirafan Halal dari JAKIM.

## **6. Cadangan**

Melalui penyelidikan ini, beberapa cadangan dapat diutarakan antaranya (1) Memperkemaskan prosedur dan garis panduan JAKIM yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh premis makanan di Malaysia untuk mendapatkan sijil halal; (2) Mempermudahkan permohonan sijil halal JAKIM supaya lebih banyak premis makanan yang sememangnya menepati syarat halal dapat diiktiraf pensijilan halal, dan (3) Memperkasakan pensijilan halal di premis makanan di seluruh Malaysia supaya ianya dipandang berat dan dipatuhi sepenuhnya.

Bukan itu sahaja, idea bagi memperkenalkan Akta Pemakanan Islam mampu menyelamatkan umat Islam daripada terus lalai dan menganggap remeh tentang isu ini. Bagi membicarakan aspek ruang lingkup undang-undang di Malaysia, boleh dirumuskan secara umumnya, peruntukan undang-undang berkaitan halal adalah terkandung di dalam Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Kanun Kesiksaan, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan enakmen kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 dan Akta Perihal Dagangan 2011 adalah relevan dan menyeluruh mengenai isu halal.

Allah swt telah berfirman dalam surat Taha yang berbunyi:<sup>14</sup>

﴿كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَلَا تَطْغَوْا فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي وَمَنْ يَحِلِّ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَىٰ﴾

Yang bermaksud: «Serta Kami katakan: Makanlah dari benda-benda yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu, dan janganlah kamu melampaui batas padanya, kerana dengan yang demikian kamu akan ditimpa kemurkaanKu; dan sesiapa yang ditimpa kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah ia»

Dari riwayat Bukhari dan Muslim dari Abdillah Nu'man

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، ...

Bermaksud: “Dari Abu Abdillah Nu'man bin Basyir r.a,” Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka, barang siapa yang takut terhadap syubhat, bererti dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Dan barang siapa yang terjerumus dalam perkara syubhat, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan...’<sup>15</sup>

## 7. Rumusan dan Kesimpulan

Kesimpulannya, dari tempoh masa penyelidikan ini dilaksanakan sehingga Mac 2021, sudah terdapat premis-premis makanan yang dahulunya tidak mempunyai status halal telahpun mendapat pengiktirafan Halal dari Jakim. Namun begitu, masih juga terdapat premis makanan yang tidak melakukan apa-apa permohonan atau sebarang tindakan ke arah mendapatkan pengiktirafan halal. Pada masa yang sama juga, terdapat beberapa premis makanan yang diberi pengiktirafan TIDAK HALAL oleh Jakim.

Umumnya, pihak berkuasa wajar memperketat pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal. Ini adalah kerana masih terdapat masalah pemahaman dikalangan orang awam terutamanya umat Islam berkaitan status halal ini. Berdasarkan respon dari soal selidik, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran masyarakat masih belum mencapai tahap yang memuaskan kerana masih ramai dari responden berbangsa melayu yang tidak cakna tentang halal haram dalam pemakanan. Selain itu, majoriti premis makanan di pusat beli belah terkemuka seperti IOI City Mall, Pavillion, Mid Valley Mega Mall dan lain-lain masih tidak mempunyai tanda halal dan kebanyakan mereka tidak peka akan kepentingan status halal ini kepada masyarakat terutamanya yang berbangsa Islam.

Meskipun pihak JAKIM telah melaksanakan pensijilan halal secara telus mengikut prosedur yang telah ditetapkan, namun pemantauan berkala terhadap setiap pemegang sijil halal wajar dilakukan, manakala bagi syarikat yang berisiko, pemantauan wajar dilakukan lebih kerap. Setiap syarikat multinasional diwajibkan mempunyai eksekutif halal dan sistem jaminan halal terhadap setiap rangkaian produk syarikat. Mereka juga harus melaksanakan pemantauan dalaman sendiri.

Firman Allah swt,

﴿فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ﴾

<sup>14</sup> Al-Quran Al-Karim Ta-ha 20:81

<sup>15</sup> Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim.

Bermaksud: «Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata».<sup>16</sup>

Oleh kerana itu, setiap perkara yang berkait dengan kehidupan seorang muslim telah ditentukan oleh syarak dan sekiranya ia dilaksanakan oleh mana-mana pihak, maka perlulah merujuk kepada syariat dan hukum hakam yang berkait dengannya.

## **8.Rujukan**

Al-Quran Al-Karim

Jasser Auda, Terj. Marwan Bukhari b. A Ahmad, 2014. Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam kontemporari, Kuala Lumpur, PTS Publication.

Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, 2012. Idealnya Undang-undang Islam. Jitra, Bitara Media.

Farid Sufian et.al. 2010. Administration of Islamic Law in Malaysia – Text and Material. Second ed. KL : Lexis Nexis.

Akram Laldin. 2008. Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence. Second ed. KL : Cert. Publications Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Bari. 2005. Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Petaling Jaya : Intel Multimedia.

Abdul Halim Muhammad. 2005. Syariah : Perkembangan dan Tuntutan Pelaksanaan. Bandar Baru Bangi : Wadah Niaga Sdn Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **Rujukan atas talian**

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (Akses pada 20 Mac 2021)

<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1109-bayan-linnas-siri-ke-73-penamaan-makanan-dan-minuman-status-halal-dan-isunya>

Kementerian Agama Republik Indonesia, (Akses pada 20 Mac 2021). Rujukan hadis di <https://www.bacaanmadani.com/2018/03/hadits-tentang-makanan-yang-halal-dan.html>

## **Akta**

Akta Makanan 1983

Akta Perihal Dagangan 1972

Akta Perlindungan Pengguna 1999

Kanun Kesiksaan

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997

Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975

Akta Perihal Dagangan 2011

---

<sup>16</sup> Al-Quran Al-Karim An-Nahl 16: 114